

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN**

**RUJUKAN : 9492**

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- a) bilakah pihak Kementerian akan memanjangkan khidmat pengambilan pekerja asing secara atas talian dengan menggunakan perisian *Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS)* dan *My Electronic Government (MYEG)* di negeri Sabah; dan
- b) apakah implikasi dan impak pengurusan baru ini kepada Sabah *Foreign Workers Recruitment Agency Assocation (PAPPAS)* yang telah beroperasi dalam bidang ini lebih daripada 20 tahun dan pekerja mereka yang berjumlah ribuan orang.

## **JAWAPAN :**

**Permohonan bagi pelaksanaan Sistem *Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS)* di Sabah telah dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada 9 September 2015. Berdasarkan prestasi pelaksanaan FWCMS di Semenanjung Malaysia, secara dasarnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak mempunyai sebarang halangan terhadap permohonan tersebut. Walau bagaimanapun, kuasa melantik mana-mana syarikat pengendali berkaitan hal ehwal pekerja asing di Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.**

**Memandangkan kuasa melantik syarikat dan penetapan kaedah Kerajaan Negeri Sabah berdasarkan dasar-dasar sedia ada mengenai pengurusan pekerja asing, maka isu mengenai kesan pelaksanaannya kepada *Foreign Workers Recruitment Agency Assocation (PAPPAS)* akan turut dikaji dan diteliti di peringkat Kerajaan Negeri Sabah.**